

Perpaduan perlu jadi agenda utama setiap tindakan

Dalam tempoh kurang setahun, Kementerian Perpaduan Negara menggubal Dasar Perpaduan Negara yang dilancarkan Perdana Menteri, akhir Februari lalu.

Akhirnya kita mempunyai dasar konkrit sebagai asas kepada usaha perlu diambil untuk memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional. Tempoh itu mencabar kerana perlu menyediakan dasar berkenaan dalam jangka singkat yang menyeluruh dan dapat diterima semua pihak.

Perpaduan selalu menjadi perhatian sejak awal merdeka. Ia semakin penting susulan tragedi 13 Mei 1969. Oleh itu, perjalanan lima dekad lalu mewujudkan desakan untuk memperdalam

kan kepentingan melahirkan masyarakat bersatu padu dan menitikberatkan integrasi rakyat pelbagai kaum dan etnik.

Dasar Perpaduan Negara berteraskan konsep Perpaduan Dalam Keperibagaaian, menetapkan strategi jangka panjang menggariskan usaha berterusan memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan rakyat.

Tiga objektif utama ditetapkan, iaitu mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara.

Selain itu, membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab serta melahirkan rakyat mengharagai dan mengamalkan perpaduan.

Bagi memastikan objektif tercapai, sokongan padu dan kerjasama penuh

semua pihak, terutama ejen penggerak perpaduan dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta dan pemegang taruh berkaitan sangat penting.

Dasar Perpaduan Negara ialah dokumen kita bersama. Kita semua ejen perpaduan dan integrasi nasional, sekali gus membawa aspirasi ini ke hadapan.

Selaras harapan Perdana Menteri, kita perlu memainkan peranan menggerakkan seluruh kekuatan terus menyebarkan semangat perpaduan dalam keadaan amat mencabar masa ini.

Secara umumnya terdapat isu dan cabaran sering berlegar dalam masyarakat, tetapi dikaitkan masalah perpaduan dalam konteks kurang tepat. Melalui beberapa sesi konsultasi menyeluruh dijalankan pasukan penggubal dasar ini, pelbagai isu dan cabaran dibangkitkan rakyat.

Ia dikategorikan kepada 10 perkara, iaitu etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik federalisme, ruang bandar-desa dan media.

Penggubalan Dasar Perpaduan Negara ini menjadi perkembangan sangat bersejarah dan tepat pada masanya. Ia bakal mengukir perjalanan lebih bersifat membina.

Objektif, teras dan strategi terkandung dalam dokumen ini mempunyai pengertian tersendiri untuk melihat aduan perpaduan unik dalam kalangan rakyat.

Rakyat pelbagai lapisan perlu memainkan peranan menjayakan dan merealisasikan objektif Dasar Perpaduan Negara dalam setiap tindakan, peringkat dan kapasiti masing-masing.

Satu perkara perlu dikongsi, wa-

laupun aspek mengenai perpaduan selalu diperkatakan, ia tidak pernah menjadi isu utama dalam agenda rakyat. Kita perlu mengubah keadaan ini.

Perpaduan perlu menjadi dan dijadikan agenda utama dalam setiap tindakan. Dalam amalan dan pengukuhan perpaduan, semua individu sama.

Sumbangan setiap individu adalah penting. Ia tidak mengira taraf sosio-ekonomi, manakala setiap peranan dan tindakan kemungkinan kelihatan kecil, bakal membawa perubahan besar dalam jangka panjang.

Usaha merealisasikan ini perlu dimulakan dari sekarang. Tempoh ditetapkan untuk mencapai sasaran dasar ini amat penting. Kita boleh melakukan sekiranya kita melihat kepentingan perpaduan berkekalan sepanjang masa.

Perpaduan bukan barang komersial. Namun, ia penting untuk semua sektor termasuk komersial. Pelaburan dalam usaha memupuk perpaduan dan integrasi nasional tidak akan membawa kepada kerugian.

Sebaliknya akan membawa pulangan amat bernilai dan memanfaatkan setiap rakyat – juga asas kestabilan negara kita cintai ini.

Kita kena ingat hanya perpaduan dan kestabilan akan membawa kita ke hadapan serta terus disegani di persada antarabangsa. Kita boleh sama sekali menjadi punca kepada pengalaman pahit lima dekad lalu.

Selaku antara Ahli Panel Pemikir Kementerian Perpaduan Negara, saya mendapati inisiatif dalam bentuk dasar sudah pun dimuktamadkan. Dasar sudah jelas. Teras dan strategi juga sudah ada lagi konkrit.

Kini tinggal tindakan. Rakyat boleh melakukan apa juga tindakan sesuai mengikut kapasiti dan keupayaan masing-masing untuk membawa perubahan diharapkan.

Menjadi harapan agar pada penghujung dekad ini, kita tidak lagi bercakap mengenai 'defisit' perpaduan. Kita tidak perlu menyalahkan sesiapa. Masa untuk menjadikan defisit perpaduan sebagai polemik dan isu sudah berakhir dengan pelancaran Dasar Perpaduan Negara.

Sekarang masa untuk kita bergerak dalam bentuk tindakan. Apakah kita mampu melakukan? Saya amat yakin kita boleh melakukan perubahan dan merasai perpaduan dan integrasi nasional kental lagi unik, sekali gus menjadi contoh kepada dunia.

Sudah banyak detik manis sejak belakangan ini, iaitu negara dihimpit pandemik COVID-19 dengan rakyat pelbagai agama dan kaum di seluruh negara, dari Perlis hingga Sabah, memperlihatkan semangat perpaduan dalam pelbagai bentuk.

Ia menunjukkan perpaduan masih utuh. Cuma ia perlu diperkuatkan supaya tidak luntur disebabkan tindakan, sikap negatif dan tingkah laku beberapa pihak tidak bertanggungjawab.

Kita ada banyak kes kejayaan boleh dijadikan contoh untuk ke depan berbanding berundur atau ketinggalan di belakang hanya disebabkan satu dua kejadian buruk tidak diingini rakyat.

Mulakan tindakan memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional hari ini!

Penulis adalah Ahli Panel Pemikir Kementerian Perpaduan Negara



**Datuk Seri
Dr Irmohizam
Ibrahim**